0741/1/19
(SUK. Ps. 2)
(Pindaan 9/66)
3495

TALIPON

Sendiri - - Kangar 2006.
Rumah - - Kangar 2001.
Pejabat - - Kangar 2171.

PEJABAT MENTERI BESAR.
PERLIS

Bil: SUK. Ps. 956 (22)

Kangar 18hb. Mei, 1971.

Tuan Yang Terutama
Gubernur Kepala Daerah Propinsi
Daerah Istimewa Atjeh,
Sumatra, INDONESIA.

Tuan Yang Terutama,

Lawatan Menteri Besar Perlis ka-Banda Acheh.

Saya suka-lah menarek perhatian Tuan Yang Terutama kapada surat saya bertarikh 26hb. Mach, 1970 berkenaan dengan lawatan saya ka-Banda Acheh yang telah di-tanggohkan. Maka saya dengan sukachita memberi ketahwi kapada Tuan Yang Terutama bahawa saya akan berangkat ka-Medan pada hari Sabtu, 24hb. Julai, 1971 dan akan berangkat ka-Kota Raja, Banda Acheh pada 1hb. Ogos dengan kapal terbang Garuda. Jika tidak ada apa2 halangan saya berharap akan dapat mengadap Tuan Yang Terutama dan saya berchita2 hendak melawat Universitas yang di-namakan dengan nama nenenda saya itu dan juga melawat Makam nenenda saya di-Kuala Changkol, Kota Raja. Saya akan tinggal di-Acheh selama 2 hari.

2. Akhir-nya saya sekali lagi uchapkan terima kaseh dan berdo'a semoga Allah panjangkan umor Tuan Yang Terutama suami isteri.

Hormat dari saya,

(TAN SRI DATO SHEIKH AHMAD BIN MOHD. HASHIM)
Menteri Besar,
Perlis.

dsa/hm.

Nomor : 8745/19-A.-

BANDA ATJEH, 28 M E I 1971.-

S i f a t : Biasa.
Lampiran : -.-
H a l : Kundjungan ke Propinsi Daerah Istimewa Atjeh.

K E P A D A

JML. MENTERI BESAR P E R L I S

DI -

K A N G A R

( MALAYSIA )

R E P

Dengan hormat.

1. Bersama ini kami beritahukan, bahwa surat Jang Mulia - Nomor Bil.SUK. Ps.956 (22) tentang hal tersebut diatas, telah kami terima dengan selamat ;

2. Bahwa kami dapat memahami maksud surat Jang Mulia tersebut diatas dan dengan ini kami njatakan bahwa kami tidak-berkeberatan atas rentjana kundjungan Jang Mulia ke Banda - Atjeh pada tanggal 1 Agustus 1971 ;

3. Kami atas nama Rakjat dan Pemerintah Daerah Propinsi - Daerah Istimewa Atjeh mengutjapkan terima kasih atas perhatian Jang Mulia dengan iringan utjapan Selamat Datang ; Semoga Jang Mulia beserta rombongan baik dalam perdjalanan-maupun selama berada di Daerah Atjeh akan selalu dilindungi oleh Allah S.W.T. ;

4. Demikian agar Jang Mulia maklum .-

GUBERNUR KEPALA DAERAH PROPINSI DAERAH ISTIMEWA ATJEH,

Perkunggal A 3/6-7

A. MUZAKKIR WALAD .-

Tembusan :

1. Menteri Luar Negeri Republik Indonesia.
2. Menteri Dalam Negeri Republik Indonesia.
3. Duta Besar Malaysia untuk Republik Indonesia.
4. Pangdam I/Iskandarmuda.

Mas kag 8 sudah 3958 15'

N237/19-A
23-11-70

(SUK. Ps. 2)
(Pindaan 9/66)

TALIPON
Sendiri - - Kangar 2006.
Rumah - - Kangar 2001.
Pejabat - - Kangar 2171.

PEJABAT MENTERI BESAR,
PERLIS

Bil: SUK. Ps. 956 (5)

Kangar, 18hb. November, 1970.

His Excellency,
Gubernur Kepala Daerah Propinsi,
Daerah Istimewa Atjeh,
Banda Atjeh,
Sumatra, Republik Indonesia.

Your Excellency,

Merujok surat saya yang bertarikh 26hb. Mach, 1970, jika di-izinkan Allah saya akan melawat Kota Raja Negeri Atjeh dengan kapal terbang daripada Medan pada hari Ahad, 3hb. Januari, 1971 bersama2 dengan satu rombongan termasok isteri saya Datin Puteh, anak saya Mohd. Zain suami isteri, menantu saya Fatimah Sham, chuchu saya Azuddin bin Ismail dan Setiausaha Politik saya Enche Wan Ahmad bin Abdullah.

2. Tujuan lawatan saya ini yang pertama ia-lah mengikat tali salatulrahim di-antara negara Indonesia dan Malaysia khas-nya di-antara Negeri Acheh dan Negeri Perlis, yang kedua hendak mempelajari dan melihat ranchangan2 kemajuan di-dalam Negeri Acheh, yang mana2 patut dan sesuai akan di-jadikan chontoh bagi Negeri Perlis; yang ketiga saya hendak melawat Universitas yang di-namakan dengan nama nenek saya Sheikh Ahmad Tajudin; yang ke-empat saya hendak menziarahi Makam nenek saya di-Kuala Changkol, Kota Raja dan lain2 tempat yang patut saya lawati terpulang-lah kapada tuan sendiri; yang kelima saya hendak menjemput tuan melawat Negeri Perlis menjadi dzaif Kerajaan. Saya akan tinggal di-Kota Raja selama 2 hari.

Assalamu'alaikum-warahmatullah-hiwabarakatuh.

Hormat dari saya,

(DATO SHEIKH AHMAD BIN MOHD. HASHIM)
Menteri Besar,
Perlis.

=SAR=

Banda Atjeh, 8 Desember 1970.-

Nomor : 15237/19-A .-

Sifat : .-

Lampiran : .-

H a l : Kundjungan ke Propinsi Daerah Istimewa Atjeh.

Jang Mulia Menteri Besar Perlis
di -
K a n g a r .-

Dengan hormat,

1. Bersama ini kami beritahukan bahwa surat Jml.Bil.SUK. - Ps. 956 tertanggal 18 Nopember 1970 tentang maksud kundjungan Jml. ke Propinsi Daerah Istimewa Atjeh telah - kami terima dengan selamat ;

2. Kami atas nama Rakjat dan Pemerintah Daerah Propinsi - Daerah Istimewa Atjeh mengutjapkan terima kasih atas - perhatian Jml. kepada Daerah Atjeh dan mengutjapkan se- mat datang ;
Semoga Jml. beserta rombongan baik dalam perdjalanan - maupun selama berada di Daerah Atjeh ini akan selalu - mendapat perlindungan dari Tuhan jang Maha Esa ;

3. Tetapi untuk tidak memberikan keketjewaan Jml. beserta- rombongan, dengan sangat menjesal perlu kami beritahukan pula, bahwa pada tanggal2 rentjana kundjungan Jml.kemungkinan kami tidak berada di Banda Atjeh dan tidak dapat- memenuhi undangan Jml. untuk berkundjung ke Perlis, karena kami pada waktu tersebut kemungkinan sedang melakukan perdjalanan dinas keluar Daerah/Djakarta ;
Sebagai Jml. ketahui bahwa pada bulan Djuli 1971 jang - akan datang, di Indonesia akan diadakan Pemilihan Umum, karenanja seluruh Pedjabat2 akan berada dalam kesibukan. Dalam pada itu keadaan tjuatja di Daerah Atjeh disekitar bulan Djanuari s/d Maret masih dalam keadaan musim hudjan jang akan menghalangi Jml. dan rombongan dalam melakukan perdjalanan ;

4. Mengingat hal2 tersebut diatas,dengan segala kerendahan hati kami mengusulkan agar Jml.sebaiknja dapat melakukan kundjungan ke Daerah Atjeh disekitar bulan2 Djuli/Awal - Agustus setelah selesainja Pemilihan Umum dan pada waktu tjuatja berada dalam keadaan baik ;

5. Demikian agar Jml. maklum .-

Gubernur Kepala Daerah Propinsi
Daerah Istimewa Atjeh,

Muzakkir

-. A. Muzakkir Walad .-

=SAR=

Banda Atjeh, 8 Desember 1970.-

Nomor : 15237/19-A .-
Sifat : .-
Lampiran : .-
H a l : Kundjungan ke Propinsi Daerah Istimewa Atjeh.

Jang Mulia Menteri Besar Perlis
di -
K a n g a r .-

Dengan hormat,

1. Bersama ini kami beritahukan bahwa surat Jml.Bil.SUK. - Ps. 956 tertanggal 18 Nopember 1970 tentang maksud kundjungan Jml. ke Propinsi Daerah Istimewa Atjeh telah - kami terima dengan selamat ;

2. Kami atas nama Rakjat dan Pemerintah Daerah Propinsi - Daerah Istimewa Atjeh mengutjapkan terima kasih atas - perhatian Jml. kepada Daerah Atjeh dan mengutjapkan selamat datang ;
Semoga Jml. beserta rombongan baik dalam perdjalanan - maupun selama berada di Daerah Atjeh ini akan selalu - mendapat perlindungan dari Tuhan jang Maha Esa ;

3. Tetapi untuk tidak memberikan keketjewaan Jml. beserta-rombongan, dengan sangat menjesal perlu kami beritahukan pula, bahwa pada tanggal2 rentjana kundjungan Jml.kemungkinan kami tidak berada di Banda Atjeh dan tidak dapat-memenuhi undangan Jml. untuk berkundjung ke Perlis, karena kami pada waktu tersebut kemungkinan sedang melakukan perdjalanan dinas keluar Daerah/Djakarta ;
Sebagai Jml. ketahui bahwa pada bulan Djuli 1971 jang - akan datang, di Indonesia akan diadakan Pemilihan Umum, karenanja seluruh Pedjabat2 akan berada dalam kesibukan. Dalam pada itu keadaan tjuatja di Daerah Atjeh disekitar bulan Djanuari s/d Maret masih dalam keadaan musim hudjan jang akan menghalangi Jml. dan rombongan dalam melakukan perdjalanan ;

REP

4. Mengingat hal2 tersebut diatas,dengan segala kerendahan hati kami mengusulkan agar Jml.sebaiknja dapat melakukan kundjungan ke Daerah Atjeh disekitar bulan2 Djuli/Awal - Agustus setelah selesainja Pemilihan Umum dan pada waktu tjuatja berada dalam keadaan baik ;

5. Demikian agar Jml. maklum .-

Arkib
10/12-70

Gubernur Kepala Daerah Propinsi
Daerah Istimewa Atjeh,

[signature]

-. A. Muzakkir Walad .-

GUBERNUR KEPALA DAERAH PROPINSI DAERAH ISTIMEWA

16797/19-A
30/12-'70.

4

KEDUTAAN BESAR REPUBLIK INDONESIA
KUALA LUMPUR

Kuala Lumpur, 18 Desember 1970.-

No. : 2476 / Pol / 1270.
Lamp. : ---
Hal : Kundjungan Menteri Besar Perlis dan rombongan ke Medan dan Atjeh.

Kepada Jth :
Bapak Gubernur Atjeh
di
Kotaradja.-

Perkenankanlah kami memberitahukan bahwa pada tanggal 2 Januari 1971 Menteri Besar Perlis dengan rombongan berdjumlah 8 orang akan mengadakan kundjungan ke Atjeh melalui Medan.

Maksud kundjungan selain untuk lebih mengeratkan tali persaudaraan antara kedua bangsa serumpun djuga akan mengadakan kundjungan seperti :

1. kundjungan kepada Bapak Gubernur Atjeh.
2. kundjungan kepada Pangdam I, Iskandar Muda.
3. melihat pembangunan daerah.
4. melawat makam nenek Sheikh Ahmad Tajuddin di Kuala - Changkal.
5. melihat Universitas di Kotaradja.

Berkenaan dengan itu akan sangat dihargakan bila dapat disediakan akomodasi dan pengangkutan lokal.

DUTA BESAR,
u.b

Drs. DJANARTO DJOJOADHININGRAT.-
Sekretaris III

KEDUTAAN BESAR REPUBLIK INDONESIA * KUALA LUMPUR

Tindasan:
1. Gubernur Sumatera Utara.
2. Arsip.

19

TALIPON

Sendiri - - Kangar 2006.
Rumah - - Kangar 2091.
Pejabat - - Kangar 2171.

(SUK. Ps. 2)
(Pindaan 9/66)

PEJABAT MENTERI BESAR,
PERLIS

Bil: SUK. Ps. 956 (13)

Kangar, 21hb. Disember, 1970.

Tuan Yang Terutama
Gubernur Kepala Daerah Propinsi
Daerah Istimewa Atjeh,
Sumatra, INDONESIA.

Tuan Yang Terutama,

Merujok surat tuan bilangan 15237/19-A tanggal 8 Disember, 1970 saya uchap terima kaseh kerana kesudian tuan menjawab surat saya tanggal 18 November berkenaan dengan lawatan saya dan rombongan ka-Banda Atjeh dalam bulan Januari 1971. Maka oleh sebab Tuan Yang Terutama tidak ada di-Banda Atjeh pada masa yang tersebut itu, oleh yang demikian saya chadang menanggohkan lawatan saya ka-Banda Atjeh pada satu masa yang akan di-beri ketahwi kelak.

2. Walau bagaimana pun, saya berharap apakala tuan melawat rantau sa-belah sini, saya dengan sukachita menjemput tuan melawat Negeri Perlis sebagai dzif Kerajaan Negeri.

Wassallam.

(TAN SRI SHEIKH AHMAD BIN MOHD. HASHIM)
Menteri Besar,
Perlis.

dsa/hm.

5587/19-A
22-4-70

(SUK. Pt. 2)
(Pindaan 9/66)

19.

TALIPON
Sendiri - Kangar 2005.
Rumah - Kangar 2004.
Pejabat - Kangar 2171.

PEJABAT MENTERI BESAR,
PERLIS

Bil: ..........

Kangar, 26hb Mach 1970.

His Excellency,
Gubernur Kepala Daerah Propinsi,
Daerah Istimewa Atjeh,
Banda Atjeh,
Sumatra,
Republik Indonesia,

Your Excellency,

Saya uchap banyak terima kaseh kapada tuan kerana membenarkan anak saya, Mohd. Zain, mengadap tuan dan menyembahkan chenderamata bagi pehak saya yang tidak dengan saperti-nya itu, menunjokkan tanda kaseh sayang dan salatul-rahim.

2. Saya sekali lagi menguchap terima kaseh kapada tuan kerana memberi kehormatan kapada anak saya, Mohd. Zain, menjadi dzaif tuan lebeh kurang satu minggu, dan juga memberi kemudahan dan pertolongan kapada-nya menchari makam nenek saya Sheikh Ahmad Tajuddin di-Kuala Changkol Kota Raja. Beliau telah membawak balek gambar makam itu dan gambar wajah tuan sendiri untok menjadi kenangan2.

3. Saya uchap ribuan terima kaseh kerana sabuah Universitas telah di-namakan dengan nama nenek saya, ia-itu satu kehormatan bagi kaum keluarga saya, yang tidak akan di-lupakan selama2-nya. Insha-Allah, apabila saya sampai di-Banda Atjeh, saya akan melawat ka-Universitas itu. Bagitu juga buku2 Rector Universitas itu sangat menarek hati. Insha-Allah, saya akan berkira menghantar beberapa orang murid daripada Madarsah Alwiah Aldiniah Arau Negeri Perlis pergi menuntut di-Universitas itu.

4. Saya berharap jika tuan ada kelapangan untok melawat Malaysia pada masa hadapan ini, saya dengan sukachita menjemput tuan melawat ka-Negeri saya Negeri Perlis dengan rasmi menjadi dzaif Kerajaan saya, dan tinggal di-Residency tempat kediaman saya.

5. Akhir-nya saya sekali lagi uchap terima kaseh dan ber-do'a panjang umor, Insha-Allah jika saya melawat Sumatra saya akan datang berjumpa tuan di-Banda Atjeh.

Assalamu'alaikum-warahmatullah-hiwabarakatuh.

Hormat dari saya,

(Dato' Sheikh Ahmad bin Mohd. Hashim)
Menteri Besar
Perlis.